

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 17 JULAI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Robot bantu selesai isu pekerja asing sektor perladangan



Rafizi mengadakan pertemuan bersama Xingxing di Hangzhou, China, baru-baru ini. (Foto tangkap layar video laman web rasmi Rafizi Ramli)

## Robot bantu selesai isu pekerja asing sektor perladangan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Ekonomi bakal membawa pengasas Unitree Robotics, Xingxing Wang ke Malaysia bagi membantu menyelesaikan keperluan automasi dalam sektor perladangan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata Malaysia mempunyai keperluan automasi yang tinggi dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah, terutama dalam sektor perladangan sawit.

"Kementerian Ekonomi sudah mengaturkan untuk membawa pengasas Unitree, Xingxing Wang ke Malaysia beberapa bulan lagi untuk dibawa ke ladang sawit.

"Saya lontarkan satu cabaran kepada beliau iaitu untuk menyelesaikan keperluan automasi dalam sektor perladangan untuk mengurangkan kebergantungan

kepada pekerja asing.

"Jika ada penyelesaian yang praktikal, Malaysia boleh menjadi peneraju pembangunan robot di rantau ini kerana memiliki *Product Market Fit* (PMF) yang tinggi," katanya di laman sosial X rasmi beliau semalam.

Beliau turut berkongsi beberapa keping gambar bersama Xingxing di pejabat Unitree ketika di Hangzhou, China baru-baru ini.

Rafizi berkata, Unitree adalah sebuah syarikat pemula dari Hangzhou, China yang ditubuhkan oleh Xingxing.

"Prototaip robot pertama beliau dibangunkan sebagai tesis ketika di universiti. Unitree adalah peneraju global dalam pasaran robot domestik yang dijual pada harga sekitar RM13,000 dan ejen humanoid pada harga sekitar RM75,000," katanya.